

# SPM terbaik dalam tempoh 5 tahun

Sinar HARIAN (11/06/2021)

GPN bagi keputusan SPM 2020 catat 4.80, 9,411 calon peroleh semua subjek gred A

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA



Mohd Radzi ketika membentangkan keputusan SPM 2020 pada sidang akhbar khas secara maya pada Khamis.

Pencapaian calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan Gred Purata Nasional (GPN) adalah 4.80.

Menteri Kanan (Pendidikan), Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata, GPN tahun 2020 juga adalah yang terbaik dalam tempoh lima tahun.

“Ingin saya ingatkan bahawa nilai GPN lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

“Jika kita lihat GPN tahun ini adalah 4.80 berbanding 4.86 pada tahun 2019. Data ini menunjukkan bahawa pencapaian calon adalah lebih tinggi pada tahun 2020 berbanding 2019.

“Analisis ini berdasarkan kepada calon yang mendaftar untuk kali pertama, untuk sekurang-kurangnya enam mata pelajaran dan menduduki sekurang-kurangnya satu mata pelajaran,” katanya pada sidang akhbar khas keputusan SPM 2020 secara maya pada Khamis.

## GRED PURATA NASIONAL (GPN)

### GPN SPM:

#### Tahun

2016 - **5.10**  
 2017 - **4.90**  
 2018 - **4.89**  
 2019 - **4.86**  
 2020 - **4.80**

Jelasnya, secara keseluruhan, seramai 401,105 calon mendaftar dengan 381,894 calon menduduki SPM 2020 yang berlangsung dalam dua sesi pada 22 Februari hingga 25 Mac lalu serta 6 hingga 23 April lalu.

Katanya, peperiksaan itu diadakan di 3,310 pusat membabitkan sebanyak 83 mata pelajaran.

“Ingin juga saya maklumkan bahawa Calon Layak Sijil SPM juga menunjukkan peningkatan sebanyak 1.96 peratus iaitu 88.68 peratus bagi SPM 2020 berbanding 86.72 peratus untuk SPM 2019.

“Bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) Layak Sijil SPM, terdapat 6.88 peratus peningkatan iaitu 68.22 peratus bagi SPM 2020 berbanding 61.34 peratus untuk SPM 2019,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Radzi berkata, seramai 9,411 calon SPM 2020

memperoleh keputusan cemerlang gred A dalam semua mata pelajaran.

“Jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding 8,876 calon pada tahun lalu.

“Bilangan calon yang mendapat sekurang-kurangnya kepujian atau gred C dalam semua mata pelajaran juga menunjukkan peningkatan iaitu seramai 77,731 calon berbanding 77,038 pada tahun 2019.

“Seramai 144,447 calon pula mendapat sekurang-kurangnya lulus semua mata pelajaran, turun sedikit berbanding 147,738 calon pada tahun sebelumnya,” katanya.

Mohd Radzi berkata, sebanyak 43 mata pelajaran mencatatkan peningkatan prestasi, 39 mata pelajaran mencatatkan penurunan dan satu mata pelajaran kekal daripada keseluruhan 83 mata pelajaran yang ditawarkan dalam SPM 2020.

Secara keseluruhan, katanya, seramai 338,659 daripada keseluruhan 401,105 calon layak menerima sijil SPM 2020.

# Muhyiddin puji keputusan SPM 2020

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memuji keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 yang mencapai pencapaian terbaik dalam tempoh lima tahun.

Menerusi perkongsian di laman Facebook, beliau berkata, calon SPM tahun lalu berdepan cabaran apabila peperiksaan yang dijadualkan ditangguhkan beberapa kali akibat pandemik Covid-19.

“Saya berbangga kerana setiap daripada anda adalah individu yang hebat memandangkan peperiksaan kali ini amat jauh berbeza cabarannya berbanding tahun-tahun sudah dalam situasi negara serta dunia bergelut dengan pandemik Covid-19.

“Anda semua diuji dengan cabaran yang getir namun berbekalkan semangat serta keazaman tinggi dengan sokongan semua pihak, cabaran itu berjaya anda harungi,” katanya pada Khamis.

Menurutnya, usaha berlipat ganda guru dan ibu bapa yang turut berhem-pas pulas membantu pelajar mengharungi peperiksaan membuah hasil.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada ibu bapa dan guru-guru. Usaha telah pun dilakukan menerusi proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang penuh mencabar dalam suasana norma baharu,” katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut

menitipkan pesanan kepada pelajar yang mendapat keputusan tidak seperti diharapkan.

“Ia bukanlah penamat. Perjalanan dan perjuangan hidup anda baru bermula,” katanya.

Tambah beliau, banyak ilmu dan bidang serta pengalaman yang belum diterokai.

“Jadikan keputusan diterima hari ini sebagai penyuntik semangat untuk anda terus berusaha bagi memastikan kehidupan serta masa depan yang terjamin.

“Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar yang menerima keputusan peperiksaan SPM hari ini,” katanya.